

27/05/2002

Citrawarna disambut gilang gemilang

Mohd Anwar Patho Rohman; Suzan Ahmad

KUALA LUMPUR, Ahad - Dataran Merdeka malam ini bermandikan cahaya berwarna-warni sempena pelancaran Citrawarna Malaysia 2002, karnival kebudayaan terbesar negara yang akan berlarutan selama sebulan di seluruh negara.

Karnival kali keempat sejak 1999 itu yang dilancarkan Yang di-Pertuan Agong, Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail dalam suasana gilang gemilang dengan pelbagai persembahan kebudayaan membabitkan semua negeri dan kaum yang ada di Malaysia, turut disaksikan puluhan ribu orang, termasuk pelancong asing.

Perarakan bermula jam 9 malam dengan pertunjukan kesenian semua kebudayaan negeri yang dipersembahkan oleh penari Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan serta Istana Budaya.

Dengan berpakaian penuh warna-warni, mereka mempersembahkan kebudayaan Melayu, Cina dan India dan suku kaum di Sabah dan Sarawak termasuk keturunan Siam Malaysia dengan diiringi tepukan gemuruh kira-kira 20,000 penonton yang membanjiri Dataran Merdeka.

Turut hadir memeriahkan acara itu Raja Permaisuri Agong, Tuanku Fauziah Tengku Abdul Rashid; Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali serta Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Datuk Abdul Kadir Sheikh Fadzir .

Pasangan Diraja tiba di Dataran Merdeka dengan menaiki pedati khas dengan iringan hulubalang Melayu. Sebaik saja baginda melancarkan karnival itu, Dataran Merdeka bermandikan cahaya dan pertunjukan bunga api.

Persembahan kebudayaan daripada 19 kumpulan budaya negara pula mengikut alunan muzik di Jalan Raja, bersebelahan Dataran Merdeka.

Perarakan bertemakan 'Asal-usul Negeri' itu dijayakan 5,222 peserta daripada semua negeri yang mempersembahkan acara kebudayaan dan sejarah kelahiran negeri masing-masing melalui tarian dan lagu.

Pelancarannya disiarkan secara langsung ke seluruh negara oleh Radio Televisyen Malaysia (RTM1). Ia juga akan disaksikan jutaan penonton di seluruh dunia kerana 77 stesen televisyen termasuk dari Australia, Jepun, Jerman, India dan Russia telah merakamkan pelancaran untuk disiarkan di negara masing-masing.

Kira-kira 2,487 tetamu asing turut hadir menyaksikan acara itu.

Perarakan itu mendapat sambutan hangat apabila penonton bersorak dan bertepuk tangan ketika ia bermula di Dataran Merdeka dan melalui Jalan Raja, Jalan Raja Laut, Jalan Semarang sebelum berakhir di Jalan Tuanku Abdul Rahman, jarak sejauh 1.3 kilometer.

Penonton termasuk pelancong asing berkumpul di Dataran Merdeka sejak awal lagi selain mendapatkan tempat terbaik untuk menyaksikan acara itu dengan lebih dekat.

Penyanyi popular negara, Siti Nurhaliza turut menghiburkan penonton dengan persembahan pembukaan bagi memeriahkan lagi sambutan berwarna-warni itu menerusi lagu ciptaan Pak Ngah berjudul Kurik Kundi yang menggabungkan pelbagai dialek bahasa setiap negeri.

Dalam ucapannya, Abdul Kadir berkata Citrawarna Malaysia, yang diperkenalkan pada 1999, kini membuktikan Malaysia satu daripada destinasi pelancongan berwarna-warni yang paling menarik di dunia.

"Kita berharap untuk menjadikan acara ini lebih baik setiap tahun dan menjadi satu daripada perarakan yang paling menjadi buah mulut di dunia," katanya.

Sebanyak 56 acara besar dikenal pasti untuk dirayakan di seluruh negara dan membabitkan rakyat semua kaum dan etnik.

(END)